

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut

NO. SEBUT HARGA : JPS WPKL(SH) / P / 10 / 2022
TAJUK PROJEK : KERJA MENGOREK DAN MEMBUANG KELODAK DI KOLAM
TAKUNGAN BANJIR AIR LELEH, WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALALUMPUR


2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB)¹ serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah bidang berikut :

Gred	Kategori	Pengkhususan
G1	CE	CE 21 – Pembinaan Kejuruteraan Awam CE 40 – Kerja-kerja Pengorekan dan Kawalan Hakisan

3. Maklumat sebut harga, lokasi tapak dan video kawasan tapak boleh dimuat turun dari laman web **Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** melalui pautan <http://state.water.gov.my/wpkl/> mulai dari **25 JANUARI 2022 (SELASA)** sehingga **07 FEBRUARI 2022 (ISNIN)**
4. Hanya kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan memenuhi kelayakan pengkhususan di atas sahaja boleh menyertai Sebut Harga ini.
5. Kontraktor **WAJIB** mengisi maklumat di dalam **Borang Saringan Wajib** melalui pautan <http://state.water.gov.my/wpkl/> mulai dari **25 JANUARI 2022 (SELASA)** sehingga **27 JANUARI 2022 (KHAMIS)**. Hanya penyebut harga yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan melepasi saringan akan disenarai pendek untuk menerima Dokumen Sebut Harga melalui emel daripada JPSWPKL.
6. Kegagalan kontraktor untuk mengisi Borang Saringan Wajib dan menghantar dokumen Sebut Harga atau membuat salinan dokumen sebut harga yang diperolehi daripada pihak lain adalah **TIDAK LAYAK** menyertai Sebut Harga ini.
7. **Tiada bayaran** dikenakan bagi dokumen Sebut Harga ini.
8. Lawatan tapak **TIDAK DIWAJIBKAN**. Walaubagaimanapun kontraktor boleh melawat tapak dengan inisiatif sendiri dengan sentiasa mengambil perhatian dengan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan fizikal, penggunaan *hand sanitizer* serta pemakaian pelitup muka perlu diteruskan seperti yang telah ditetapkan oleh KKM dan MKN.
9. Pautan **Taklimat Sebut Harga** dan **Dokumen Sebut Harga** akan dimaklumkan melalui emel kepada penyebut harga yang melepasi saringan pada **31 JANUARI 2022 (ISNIN)**.
10. Dokumen **Sebut Harga** yang dimuat turun dan telah lengkap hendaklah dikembalikan dalam bentuk **hard copy**.
11. Sebut harga ini akan ditutup pada **07 FEBRUARI 2022 (ISNIN)**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul dengan dituliskan nombor sebut harga di sebelah atas kiri sampul tersebut serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari tersebut.
12. Penyebutharga **boleh menghantar Dokumen Sebut Harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier** menggunakan alamat seperti di atas. Jika Sebut Harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas **sebelum atau pada Tarikh Tutup Sebut Harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

PERHATIAN : 1. Kontraktor hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan Covid-19 dan penjarakan fizikal oleh KKM dan MKN semasa penghantaran dokumen sebut harga ke JPSWPKL.

2. ¹ Keluarkan STB jika Sebut harga dibuka kepada Bukan Bumiputera


.....
Nama : Ir. RATNA RAJAH SIVAPIRAGASAM
Jawatan : Timbalan Pengarah
Tarikh : 21/1/2022
Jabatan Pengairan dan Saliran
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur